

Empower NCER tingkat taraf hidup Orang Asli

Bunte Hanon (Nasional) 21/7/2021 (Rabu) m/s: 17

Batang Padang: Seramai 36 peserta daripada kalangan Orang Asli di daerah ini menyertai pelbagai latihan di dalam program empower NCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan yang bermula pertengahan tahun lalu.

Mereka terdiri daripada suku kaum Semai yang tinggal di kawasan Sungkai, Bidor, Tapah, Jalan Pahang dan Chenderiang.

Antara peserta, Norhamirah Roslan, 31, yang berminat menceburi bidang perniagaan makanan dan minuman, mengikuti Kursus Kulinari dan Pemrosesan Makanan Sejuk Beku.

Norhamirah kini sudah menguasai pelbagai jenis resipi tempatan dan barat.

"Saya ada tiga ejen yang membantu menjual dan memasarkan produk. Walaupun suri rumah sepenuh masa saya dapat membantu meringankan kos sara hidup keluarga dan menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat," katanya yang bercita-cita memiliki kedai makanan sendiri pada masa akan datang.

Bagi peserta Kursus Jahitan dan Rekaan Fesyen, Shana Sahak, 40, yang juga guru komuniti di Bidor, berkata program itu banyak membantunya mempelajari ilmu kemahiran dan perniagaan baharu.

Uniknya, beliau menggunakan pakai ilmu dan kemahiran yang diajar untuk menjahit pakaian tradisional masyarakat Orang Asli.

"Antara hasil jahitan saya ialah pakaian tradisional Orang Asli, kain batik kreatif, rantai dan gelang manik hutan, perhiasan kepala serta sebagainya," katanya yang menerima pelbagai tempahan jahitan untuk majlis kebudayaan, perayaan dan pameran.

Program empower NCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan juga bertujuan meningkatkan pendapatan peserta, selain sumber perniagaan serta melahirkan peserta berkelayaan untuk bekerja dalam bidang pekerjaan kursus yang diikuti.

Empat peserta Orang Asli yang mengikuti kursus Balkulih Elektrik dan Pendingin Hawa kini mendapat kepercayaan dan diambil bekerja di syarikat tempatan yang menyelia sistem kamera litar tertutup (CCTV).

Seorang daripada mereka, Bah Maryo Bah Buyong, 39, berkata, melalui kursus itu memerlukan fokus kepada latihan amali dan mengendalikan pelbagai peralatan untuk membina wayar serta suis elektrik.

"Kini saya semakin mahir dalam menyenggara peralatan



Peserta Orang Asli sedang mengikuti Program empower NCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan di Daerah Batang Padang.

(Foto UMP Advanced)

elektrik, malah giat melakukan pekerjaan sampingan untuk menjana lebih banyak pendapatan serta menimba pengalaman baharu," katanya.

Ini membuktikan bahawa majikan yakin dengan kemahiran dan kelayakan peserta program empower NCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan untuk diserap dalam pekerjaan sebenar.

Status pendapatan terkini mereka meningkat sebanyak 70 peratus daripada sebelumnya.

Selain itu, terdapat 11 peserta dari kawasan air terjun Lata

Kinjang, mengikuti program khas Pembangunan Sosioekonomi Komuniti.

Peserta didedahkan dengan ilmu perniagaan dan keusahawanan sebagai asas untuk pembangunan pelancongan di kawasan itu.

Program empower NCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan adalah inisiatif pihak kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan B40 daripada pelbagai kaum untuk memiliki kemahiran dan ilmu keusahawanan bagi membolehkan mereka menjana atau me-

ningkatkan pendapatan sendiri.

Program yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCLA) itu diberikan secara percuma kepada golongan berkenaan.

UMP Advanced adalah anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dilantik oleh NCLA untuk menguruskan program berkenaan di Perak.

Program ini berjaya menarik pembabit masyarakat Orang Asli, sekali gus mencapai objektif membantu mereka untuk menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka.